

Arabesque dalam Karya Seni Ukiran Melayu: Kesinambungan Kegemilangan Tamadun Islam

BITARAVolume 4, Issue 1, 2021: 118-129
© The Author(s) 2021
e-ISSN: 2600-9080
<http://www.bitarajournal.com>

[Arabesque in the Malay Carving Art: The Glorious Continuation of the Islamic Civilization]

Mohd Zamri Mohamed Noor¹ & Ermy Azziaty Rozali¹

Abstrak

Penulisan ini membincangkan tentang seni ukiran corak *arabesque* khususnya pada karya seni ukiran Melayu serta kesinambungannya dengan kegemilangan tamadun Islam. Corak ini dikaitkan dengan bangsa Arab yang menggambarkan gaya orang-orang Arab dan ia dilihat menghiasi pelbagai medium kesenian seperti barangan kegunaan harian, perkakasan rumah, peralatan pertanian dan pertukangan serta hiasan pada bangunan dan binaan dalam alam Melayu sejak zaman berzaman. Namun, kewujudannya hanya dapat dihayati oleh segelintir ahli masyarakat dalam kalangan ahli akademik dan pencipta seni ukiran sahaja. Masyarakat umum hanya melihatnya sebagai suatu unsur legap yang dijadikan perhiasan pada bangunan, binaan dan peralatan yang mereka gunakan seharian tanpa menyedari nilai estetika reka bentuk seni ukiran yang ada padanya. Objektif penulisan ini adalah untuk mengelaskan seni ukiran corak *arabesque* berdasarkan motif-motif penciptaannya untuk memudahkan masyarakat umum memahami serta turut sama menghayati keindahan yang terangkum padanya. Metodologi penulisan adalah berdasarkan kepada kajian kepustakaan dengan menyaring maklumat-maklumat daripada sumber seperti buku, tesis, artikel, jurnal, laman sesawang dan lain-lain. Dapatan daripada penulisan ini membuktikan bahawa karya seni ukiran Islam corak *arabesque* terangkum padanya beberapa reka bentuk ukiran seperti motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab, motif tabii unsur flora serta motif tabii unsur makhluk bernyawa yang diabstrakkan berlandaskan nilai akidah, syariat dan akhlak Islam. Ia bakal membantu para penyelidik untuk mengkaji secara lebih mendalam berkaitan motif-motif yang diketengahkan dalam penulisan ini di samping mampu mencetus fenomena baru kepada masyarakat Melayu khususnya berkaitan dengan penghasilan karya seni ukiran.

Kata kunci:

Arabesque, seni ukiran, kesenian Islam, bangsa Arab.

Abstract

The article discusses on the arabesque as one of the carving art in the product of the Malays as well as its continuity with the glories of the Islamic civilization. It relied on the Arab's style in decorating things and has been seen on various mediums of carvings such as on daily items, home appliances, agricultural equipments and decoration on buildings and structures in the Malay world since time immemorial. However, its existence can only be appreciated by the academics and sculptors instead of becoming as the opaque elements among publics without realizing the aesthetical values on its.

¹ Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

Corresponding Author:

ERMY AZZIATY ROZALI, Institut Islam Hadhari, Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor Darul Ehsan, Malaysia

*E-mail: ermy@ukm.edu.my

The objective of the writing is to classify the arabesque pattern based on the motives of its creation to make it easier for the publics in order to understand and appreciate its beauty. The research methodology is based on the library study by filtering informations from the sources such as books, theses, articles, journals, websites and others. The findings proved that the arabesque insist of geometric motifs, cosmic motifs, Arabic calligraphy motifs and natural motifs which include floral elements and abstract creatures elements based on the Islamic beliefs, syariah and values. It will help the future researchers to examine deeply on the motives highlighted to tragger new phenomenon to the Maly community especially in the discipline of carving art.

Keywords:

Arabesque, carving art, Islamic art, the Arabs.

Cite This Article:

Mohd Zamri Mohamed Noor & Ermy Azziaty Rozali. 2021. Arabesque dalam karya seni ukiran Melayu: Kesenambungan kegemilangan tamadun Islam. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* 4(1): 118-129.

Pengenalan

Kesenian ialah hasil daripada usaha dan ciptaan manusia yang mengandungi unsur-unsur keindahan yang bukan sahaja dapat dilihat dengan mata, bahkan ia dapat dirasakan serta dinikmati melalui pancaindera pendengaran serta pembacaan. Seni merupakan kata dasar bagi perkataan kesenian yang ditakrifkan sebagai suatu hasil ciptaan yang indah serta mempunyai nilai estetika yang tersendiri. Ia merupakan salah satu cabang daripada unsur kebudayaan dan ditakrifkan sebagai suatu manifestasi pemikiran dan budaya bagi sesebuah masyarakat. Kebudayaan menjadi teras bagi semua bangsa yang terdapat di dunia ini di mana aspek kebudayaan mencakupi bidang yang amat luas dalam kehidupan manusia. Kebudayaan dikategorikan kepada dua jenis yang merangkumi budaya *material* dan budaya *non-material*. Budaya *material* terdiri daripada peralatan atau artifak seperti alatan untuk digunakan dalam aktiviti seharian terdiri daripada pelbagai jenis senjata, pakaian, perhiasan, alat kesenian dan sebagainya. Secara jelasnya, peralatan atau artifak sebegini dihasilkan untuk kegunaan manusia dalam kehidupan seharian mereka. Ia juga adalah bersifat tahan lebih lama daripada masyarakat yang menghasilkannya. Manakala budaya *non-material* pula diterjemahkan sebagai bidang-bidang ilmu pengetahuan seperti bidang falsafah, kesenian, bahasa, adat istiadat serta beberapa aspek sosial lain yang terdapat di dalam ruang lingkup kehidupan manusia (Mohammad Nazzri, 2016).

Seni ukiran turut merangkumi apa sahaja yang dipahat atau diukir yang dihasilkan melalui kemahiran dalam bidang pertukangan. Ia terhasil daripada kerja mengukir dengan menggunakan peralatan tajam seperti pisau, pahat dan sebagainya pada medium kesenian seperti kayu, logam, kulit, gading, batu dan seumpamanya bagi menghasilkan suatu bentuk lakaran, lukisan atau gambaran sama ada berbentuk cengkung dan cembung atau tenggelam dan timbul (Mohammad Nazzri, 2016). Seni ukiran dibahagikan kepada dua jenis iaitu seni ukiran dua dimensi dan seni ukiran tiga dimensi. Seni ukiran dua dimensi merupakan apa sahaja yang dapat dihayati dengan melihat kepada bahagian permukaannya sahaja. Sebagai contoh, bentuk ukiran yang dilakarkan pada hiasan dinding, daun pintu, kekisi, tebar layar dan

sebagainya. Manakala seni ukiran tiga dimensi pula merupakan apa sahaja yang dapat dilihat dalam bentuk objek seperti karya ukiran berbentuk arca, peralatan pertanian, peralatan rumahtangga, congkak, tiang larik dan seumpamanya yang dapat dihayati daripada pelbagai sudut (Norhaiza, 2009).

Kesenian dalam agama Islam pula mengetengahkan beberapa perlambangan yang bersifat tersendiri di mana nilai akidah dan akhlak diberikan penekanan yang khusus pada penghasilan dan penciptaan sesuatu karya seni ukiran. Salah satu corak seni ukiran yang menepati syariat Islam ialah karya seni ukiran corak *arabesque* di mana bentuk komposisi dan jalinan yang dihasilkan bersifat tersendiri kerana ianya berteraskan kepada aspek permulaan dan pengakhiran sebagaimana hakikat seorang hamba. Ia berbeza dengan sifat dan zat Allah swt, yang tiada permulaan dan tiada pengakhiran. Ini membuktikan bahawa nilai akidah dan tauhid memainkan peranan yang penting dalam penghasilan karya seni ukiran corak *arabesque* ini. Corak *arabesque* ini juga merupakan salah satu bentuk seni ukiran dalam tamadun Islam yang telah tersebar secara meluas dalam banyak tamadun dan masyarakat di dunia termasuk di alam Melayu. Ia dilihat telah digunakan sebagai hiasan yang menghiasi pelbagai medium kesenian seperti barangan kegunaan harian, perkakasan rumah, peralatan pertanian dan pertukangan serta hiasan pada bangunan dan binaan. Corak *arabesque* menggambarkan gaya orang Arab dan dikatakan berasal daripada kata terbitan bahasa Perancis iaitu *arabes-co* yang muncul pertengahan kurun ke-14 Masihi. Ia turut dikatakan berasal daripada bahasa Sepanyol iaitu *arabescus* atau *rabesco* berdasarkan reka bentuk hiasan bangunan yang dibina oleh orang-orang Arab di penempatan pertama tentera Islam yang muncul di Sepanyol. Karya seni ukiran dengan corak sebegini telah tersebar dan digunakan secara meluas dalam masyarakat sekitar Semenanjung Tanah Arab dan tidak terkecuali ia telah berkembang hingga ke alam Melayu (Murat & M.Arif, 2011).

Ringkasnya, kesenian dalam tamadun Islam telah berjaya memaparkan kepelbagaian jenis dan bentuk yang sekali gus telah menjadikannya begitu unik dan bersifat tersendiri. Ini kerana, kesenian Islam ini menjadi lambang bagi kekayaan serta ketinggian mutu kesenian hingga ianya telah berjaya melalui proses penyaduran, asimilasi dan adaptasi ke dalam tamadun dan masyarakat lain di dunia sepanjang zaman. Realiti ini dapat diperhatikan pada bangunan dan binaan yang dihasilkan di negara-negara Islam dan bukan Islam di seluruh dunia sama ada berpaksikan kepada pengaruh ajaran agama Islam atau pun berdasarkan contoh karya seni ukiran yang telah dihasilkan pada zaman kegemilangan serta keunggulan ketamadunan Islam.

Arabesque dalam Karya Seni Ukiran Melayu

Masyarakat Melayu sangat sinonim dengan seni dan kesenian. Ini kerana kesenian dijadikan sebagai salah satu wadah untuk menyebarkan kebaikan dan ianya berkaitan dengan nilai keindahan. Keindahan didefinisikan sebagai cantik, elok dan semua perkara yang terangkum padanya nilai keindahan serta mempunyai nilai estetika yang tinggi. Keindahan merupakan salah satu zat Allah swt dan Allah swt menyukai perkara-perkara yang indah (Iffa Yuliani, 2016). Sabda Rasulullah saw:

إِنَّ اللَّهَ جَمِيلٌ يُحِبُّ الْجَمَالَ

Maksudnya: “Sesungguhnya Allah adalah Dzat Yang Maha Indah dan mencintai keindahan.” *Sahih Muslim: Kitab al-Iman*, Bab 39, nombor hadis 265 (Muslim, 2007).

Keindahan diterjemahkan sebagai suatu unsur yang bersifat subjektif dan ianya berbeza antara seorang individu dengan individu yang lain. Sifat keindahan yang lahir dapat menimbulkan rasa kesenangan atau kepuasan hati dalam diri yang dikenali sebagai estetika. Konsep keindahan ini merujuk kepada rasa yang menggembirakan dan kewujudannya dapat dilihat pada objek-objek yang menjadi medium kesenian dalam menampilkan nilai-nilai keindahan. Dalam lain perkataan, semua bidang yang berfungsi untuk memenuhi kesenangan, kegembiraan, keindahan dan nilai estetik manusia turut dikenali sebagai kesenian (Nik Hassan et. al., 2000). Berdasarkan pernyataan tersebut, penulisan ini menumpukan untuk menilai serta mengkategorikan jenis dan bentuk seni ukiran corak *arabesque* dalam karya seni ukiran tradisi masyarakat Melayu. Corak seni ukiran sebegini telah lama wujud dalam masyarakat Melayu namun ianya hanya dihayati oleh segelintir anggota masyarakat iaitu dalam kalangan ahli akademik, pakar kesenian dan individu yang mencintai karya kesenian sahaja. Ini kerana penghayatan terhadap nilai estetika pada sesuatu karya seni ukiran adalah bersifat subjektif pada seseorang individu yang berbeza dengan individu yang lain.

Umumnya, seni ukiran dalam perspektif Islam menonjolkan unsur kesenian yang berteraskan kepada nilai akidah, syariat dan akhlak Islam. Aspek kesenian sebagaimana disarankan oleh agama Islam mengetengahkan unsur tauhid sebagai teras penciptaannya. Realiti ini bertepatan dengan pernyataan yang ditekan oleh Ismail Raji Al-Faruqi di mana beliau menegaskan bahawa penciptaan sesuatu hasil seni ukiran pada perspektif Islam adalah bertunjangkan pada kepercayaan kepada Allah swt. Situasi ini penting kerana pada perspektif Islam, seni ukiran berperanan bagi memperkukuhkan lagi keyakinan manusia khususnya bagi memperkukuhkan lagi keyakinan manusia tentang kewujudan dan kekuasaan Allah swt sebagai Yang Maha Pencipta (Umma Farida, 2014). Ia dapat dilihat apabila agama Islam mengharamkan penciptaan seni ukiran yang berteraskan kepada unsur makhluk hidup. Karya seni ukiran dengan bentuk sebegini walaupun dihasilkan dengan sifat yang kaku, legap dan tidak bernyawa, ia tetap diharamkan oleh agama Islam kerana mempunyai hubung kait yang jelas dengan aktiviti penyembahan berhala (Siti Hawa, 2007). Rasulullah saw melalui hadis-hadis baginda melarang keras penghasilan karya ukiran dengan bentuk makhluk bernyawa ini dan turut menekankan aspek pengharaman ini dengan seksaan yang menanti para pengukir di akhirat kelak (Abdul Ghani, 2009). Antara hadis Rasulullah saw yang membicarakan tentang larangan berteraskan pengharaman tersebut adalah sebagaimana berikut:

حَدَّثَنَا عِيَّاشُ بْنُ الْوَلِيدِ حَدَّثَنَا عَبْدُ الْأَعْلَى حَدَّثَنَا سَعِيدٌ قَالَ سَمِعْتُ النَّضْرَ بْنَ أَنَسٍ بْنِ مَالِكٍ يُحَدِّثُ
 قَتَادَةَ قَالَ كُنْتُ عِنْدَ ابْنِ عَبَّاسٍ وَهُمْ يَسْأَلُونَهُ وَلَا يَذْكُرُ النَّبِيَّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ حَتَّى سُئِلَ فَقَالَ
 سَمِعْتُ مُحَمَّدًا صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ يَقُولُ مَنْ صَوَّرَ صُورَةً فِي الدُّنْيَا كُفِّرَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ أَنْ يَنْفَعَهَا
 الرُّوحَ وَلَيْسَ بِنَافِعٍ.

Maksudnya: “Ayyasy bin al-Walid, Abdul al-A’la dan Sa’id telah memberitahukan kepada kami, dia berkata, Aku mendengar an-Nadhr bin Anas bin Malik menceritakan kepada Qatadah, dia berkata, “Aku berada di sisi Ibnu Abbas sementara mereka menanyainya dan beliau tidak menyebut Nabi saw hingga ditanya, maka beliau berkata, Aku mendengar Muhammad saw bersabda, ‘Barangsiapa membuat shurah di dunia niscaya dibebani pada hari kiamat untuk meniupkan ruh padanya, sementara dia tidak mampu meniupkannya.’” *Sahih Al-Bukhari: Kitab al-Libas*, Bab 97, nombor hadis 5963 (Al-Bukhari, 1997).

Rasulullah saw turut memperincikannya dalam hadis lain yang menyebut:

حَدَّثَنَا إِبْرَاهِيمُ بْنُ الْمُنْذِرِ حَدَّثَنَا أَنَسُ بْنُ عِيَاضٍ عَنْ عُيَيْدِ اللَّهِ بْنِ نَافِعٍ أَنَّ عَبْدَ اللَّهِ بْنَ عُمَرَ رَضِيَ اللَّهُ عَنْهُمَا أَخْبَرَهُ أَنَّ رَسُولَ اللَّهِ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ وَسَلَّمَ قَالَ إِنَّ الدِّينَ يَصْنَعُونَ هَذِهِ الصُّورَ يُعَدُّبُونَ يَوْمَ الْقِيَامَةِ يُقَالُ لَهُمْ أَحْيُوا مَا خَلَقْتُمْ

Maksudnya: “Ibrahim bin Mundzir, Anas bin ‘Iyadh telah memberitahukan kepada kami, dari Ubaidillah, dari Nafi’, sesungguhnya Abdullah bin Umar ra mengabarkan kepadanya, Rasulullah saw bersabda, “Sesungguhnya orang-orang yang membuat gambar-gambar ini disiksa pada hari kiamat. Dikatakan kepada mereka, Hidupkan apa yang kamu ciptakan.” *Sahih Al-Bukhari: Kitab al-Libas*, Bab 18, nombor hadis 2005 (Az-Zubaidi, 1994).

Realiti ini menjadi bukti bahawa agama Islam memandang serius terhadap penghasilan karya seni ukiran yang dihasilkan oleh para pengukir dan ia turut menjadi bukti tentang kebenaran kalam Allah swt dalam Surah al-Ikhlâs yang menegaskan tentang keEsaan Allah swt di mana tiada suatu makhluk pun yang akan sama atau setara dengan Nya, Yang Maha Esa. Pengharaman bagi penghasilan ukiran berunsurkan makhluk hidup seperti manusia, patung dan binatang ini telah meresap ke dalam pemikiran para pengukir karya seni ukiran di kalangan masyarakat Melayu. Hasilnya lahir seni ukiran Islam dengan corak *arabesque* dengan penghasilan karya seni ukiran yang meliputi reka corak atau bentuk dengan motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab, motif tabii unsur flora serta motif tabii unsur makhluk bernyawa yang diabstrakkan. Agama Islam turut menggariskan panduan agar setiap karya ukiran yang dihasilkan perlu mengandungi nilai-nilai murni yang antara lain menjadi perlambangan sahsiah dan akhlak keperibadian berteraskan kepada syariat Islam di samping perlu bersifat berkecuali (*neutral*), iaitu bebas daripada semua nilai dan unsur yang negatif. Tujuan utama dalam penghasilan sesuatu karya seni ukiran pada perspektif Islam adalah untuk membangkitkan perasaan damai dan harmoni dalam diri pengkarya seni di samping merendahkan diri kehambaan ke hadrat Allah swt (Idris Zakaria, 2012).

Karya seni ukiran yang dihasilkan melalui proses ketekunan, kesabaran dan ketelitian mampu membangkitkan rasa kehambaan diri manusia kepada Allah swt. Ia juga berperanan dalam mengeratkan lagi hubungan antara manusia dengan Allah swt serta bertujuan untuk memperkukuhkan lagi hubungan sesama manusia (Makmur & Muhammad Bukhari, 2014).

Hakikat kesenian secara umumnya dan seni ukiran secara amnya jika dilihat daripada perspektif Islam berperanan untuk mengangkat martabat manusia di samping mampu meningkatkan lagi rasa pengabdian diri hamba kepada Allah swt. Realiti ini sejajar dengan kenyataan oleh Ibn Khaldun yang berbunyi: “Kesenian yang menyampaikan kebenaran Ilahi dan menyerapkan nilai-nilai akhlak mulia, tersusun secara indah dan berhak disebut sebagai karya seni yang baik dan berguna kepada manusia.” (Benedict R.H., 2004). Konsep ini membuktikan bahawa seni ukiran menurut agama Islam yang dihasilkan mengandungi nilai-nilai estetika serta mencerminkan kemahiran di samping kehalusan budi dan menjadikan aspek agama sebagai teras kewujudannya. Seni ukiran corak *arabesque* sebagai contoh dilihat sebagai salah satu reka bentuk yang melalui proses adaptasi dan simulasi ke dalam karya seni ukiran masyarakat Melayu. Ia mempunyai nilai yang tinggi, sama ada dalam susunan komposisi cara pengisian bidang yang dihias atau pun dalam menyelaraskan motif kewujudannya yang sekaligus menjadi lambang kematangan pemikiran seseorang pengukir di dalam menterjemahkan apa sahaja yang muncul pada fikiran mereka secara imaginasi dan seterusnya ditonjolkan pada penghasilan pelbagai bentuk dan rupa karya seni ukiran. Hakikat ini menjadikan seni ukiran sebagai suatu unsur gabungan yang harmoni antara jiwa dan akal manusia di mana hasilnya diterjemahkan pada medium kesenian seperti kayu, batu, tembaga, besi dan sebagainya (Norzehan Adli, 2009).

Sebelum kedatangan agama Islam ke alam Melayu, agama Hindu mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat di Nusantara, seni ukiran telah memainkan peranan yang sangat penting khususnya bagi menyebarkan dan menyampaikan ajaran serta kepercayaan agama Hindu kepada masyarakat. Seni ukiran berperanan sebagai salah satu cara untuk menggambarkan rumusan metafizik serta akidah kepercayaan agama Hindu yang disandarkan kepada elemen estetika dan bukan sekadar pendedahan berteraskan fakta. Kenyataan secara saintifik yang disandarkan kepada fakta yang bersifat realiti tidak dapat diterima oleh masyarakat awam pada ketika itu. Ini kerana kepercayaan agama Hindu itu sendiri terkandung padanya perlambangan yang estetik seperti penciptaan patung-patung yang menyerupai bentuk dan fizikal manusia serta makhluk hidup yang lain untuk upacara penyembahan (Amirah Abas, 2016). Ini kerana karya seni ukiran masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam dihasilkan menyerupai bentuk serta fizikal haiwan dan manusia berdasarkan penemuan pelbagai tinggalan sejarah yang ditemui di sekitar alam Melayu yang banyak menampilkan ukiran makhluk mitos yang dipercayai mempunyai hubungan kait dengan unsur pemujaan dalam kepercayaan agama Hindu. Jelas sekali disini bahawa penghasilannya adalah berpaksikan kepada amalan, kepercayaan dan aktiviti seharian mereka yang dipengaruhi oleh faktor agama hingga sesetengah daripada bahan ukiran yang dihasilkan itu turut digunakan dalam upacara ritual keagamaan dan penyembahan (Roslina & Abd Halim, 2014).

Secara jelasnya, kepercayaan agama Hindu telah berjaya diasimilasi dan diadaptasi dalam pemikiran serta kebudayaan tempatan dalam masyarakat Melayu sebelum kedatangan Islam ke alam Melayu. Unsur dalam penghasilan patung seperti binatang mitos dan makhluk hidup lain dengan motif abstrak seperti burung bangau, burung rajawali, helang, garuda, angsa, ular, naga dan pelbagai lagi amat digemari dalam penghasilan ukiran oleh para pengukir pada ketika itu (Siti Hawa, 2007). Contoh yang paling jelas dapat dilihat pada penghasilan karya seni ukiran seperti bahtera atau perahu yang banyak diguna pakai sebagai medium perhubungan utama dalam masyarakat Melayu sejak zaman berzaman. Corak wajah burung bangau dan burung Jentayu yang merupakan antara burung mitos yang sering disebut dalam kitab epik

Hindu iaitu Ramayana dilihat menghiasi kepala bahtera atau perahu yang digunakan dalam kehidupan seharian masyarakat Melayu ketika itu. Bahtera atau perahu dengan karya seni ukiran sebegini turut digunakan oleh golongan istana dan bangsawan pada situasi atau acara yang khusus seperti upacara pemujaan bagi memanggil dewa laut yang bertujuan untuk “menjemput rezeki” atau bagi mendapatkan hasil laut yang banyak (Nik Hassan et. al., 2000). Begitu juga halnya dengan penggunaan bahtera atau sampan ini oleh keluarga diraja sebagaimana yang dilakukan oleh pihak istana Kelantan dalam upacara “puja umur” atau sambutan hari kelahiran hingga ianya dinamakan sempena nama dewa dan dewi dalam kepercayaan agama Hindu iaitu Bahtera DiRaja Petala Indera Seri Kelantan (Gambar 1) dan Bahtera DiRaja Petalawati atau Petala Sakti (Gambar 2) (Nurul Izzah et. al., 2019; Mohd Nasrulamiyazam, 2018).



Gambar 1: Corak wajah haiwan mitos pada Bahtera DiRaja Petala Indera Seri Kelantan (Sumber: Mohd Nasrulamiyazam, 2018).



Gambar 2: Corak wajah haiwan mitos pada Bahtera DiRaja Petalawati @ Petala Sakti (Sumber: Mohd Nasrulamiyazam, 2018).

Kedatangan agama Islam ke alam Melayu telah merubah lanskap penghasilan karya seni ukiran dalam masyarakat Melayu. Secara jelasnya, agama Islam hadir ke dalam rumpun Melayu dengan memperkenalkan pelbagai jenis dan reka bentuk corak karya kesenian Islam yang berlandaskan kepada nilai akidah, syariat dan akhlak Islam. Salah satu karya seni ukiran yang telah diasimilasi dan diadaptasi pada zaman pra dan pasca penyebaran pengaruh agama Islam

ke Nusantara ialah seni ukiran corak *arabesque*. Karya seni ukiran tradisi masyarakat Melayu yang menampilkan ciri-ciri ukiran corak *arabesque* ini adalah cukup bernilai daripada sudut kualiti penghasilannya. Ini kerana jalinan yang dihasilkan adalah berpandukan daya imaginasi yang tidak terbatas serta berdasarkan kreativiti para pengkarya seni ukiran tersebut. Ia seterusnya membawa para pengukir dalam mereka bentuk permukaan-permukaan dengan jalinan sedemikian dari alam biasa ke alam estetika (Makmur & Muhammad Bukhari, 2014). Aplikasi corak *arabesque* pada karya seni ukiran masyarakat Melayu ini dapat dirumuskan di mana ia meliputi reka corak atau bentuk yang menerapkan motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab, motif tabii unsur flora serta motif tabii unsur makhluk bernyawa yang diabstrakkan. Karya seni ukiran corak *arabesque* ini boleh dibahagikan kepada dua bentuk utama iaitu ; corak *arabesque* dengan motif geometri dan corak *arabesque* dengan motif jalinan atau motif tabii. Kedua-dua bentuk utama ini dilihat sangat popular untuk digunakan sebagai elemen hiasan pada binaan dan bangunan yang dihasilkan sejak zaman berzaman dalam seni ukiran masyarakat Melayu.

Corak arabesque dengan motif geometri dan motif unsur kosmos ini banyak menghiasi bangunan dan binaan dalam masyarakat Melayu selepas kedatangan agama Islam ke alam Melayu. Corak *arabesque* dengan motif sebegini mengetengahkan kaedah pengulangan bagi beberapa bentuk asas seperti segi empat, segi tiga dan bulatan yang seterusnya boleh menghasilkan corak yang sangat kompleks dan mengagumkan. Masyarakat Melayu tradisional menggunakan reka bentuk dengan corak *arabesque* dengan motif geometri ini pada hasil kraftangan serta barangan kegunaan seharian mereka contohnya pada reka corak anyaman tikar mengkuang, bakul rotan dan dinding buluh. Produk anyaman tersebut seterusnya digunakan oleh masyarakat Melayu tradisional sebagai hamparan buat tetamu, tempat berbaring, alas duduk di bendang, tempat menyimpan barang, penutup makanan, dinding rumah dan sebagainya (Ros Mahwati et. al., 2018). Karya seni ukiran tradisi masyarakat Melayu menampilkan motif unsur kosmos atau alam semesta pula ditampilkan melalui gambaran matahari, bulan, bintang, awan berarak, gunung ganang, bukit bakau dan sebagainya. Reka corak ini digunakan sebagai hiasan pada bahagian muka tebar layar rumah Melayu khususnya bagi gambaran matahari dan bintang, manakala gambaran awan berarak pula sering digabungkan dengan tulisan kaligrafi Arab dan corak *arabesque* dengan motif jalinan atau motif tabii dengan unsur flora (Mohammad Nazzri, 2016).

Corak arabesque dengan motif jalinan atau motif tabii pula dibahagikan kepada tiga jenis iaitu; motif jalinan tulisan kaligrafi Arab, motif tabii unsur flora dan motif tabii unsur ukiran makhluk bernyawa yang diabstrakkan. Karya seni ukiran corak *arabesque* dengan motif jalinan tulisan kaligrafi Arab merupakan antara bentuk utama yang menjadi komponen penting dalam seni ukiran tradisi masyarakat Melayu selepas kedatangan agama Islam ke Alam Melayu melalui para pedagang berbangsa Arab yang belayar untuk berniaga di negara China seawal tahun 750 Masihi (Pooja Singh, 2017). Pada asasnya, kewujudan karya seni ukiran Islam dengan motif jalinan tulisan kaligrafi Arab ini telah menjadikan seni ukiran tradisi masyarakat Melayu itu unik dan istimewa kerana ianya amat popular digunakan pada seni ukiran bangunan istana dan masjid di Alam Melayu secara keseluruhannya. Ayat-ayat suci al-Quran menjadi teras dan sumber inspirasi penciptaan corak *arabesque* dengan motif ini dan ianya terdapat dalam pelbagai bentuk merangkumi gaya *Nasakh*, *Thuluth*, *Rihan*, *Diwani Jali*, *Diwani*, *Ta'liq Farisi*, *Koufi* dan *Riqa'ah* (Oloan S., 1993).


Motif tabii unsur flora pula diolah berdasarkan persamaan corak yang terdapat pada setiap hasil karya seni ukiran yang dihasilkan. Elemen asimilasi dan adaptasi turut diintegrasikan dalam penghasilan seni ukiran tradisi masyarakat Melayu dengan penghasilan jenis dan reka bentuk karya seni ukiran yang lebih abstrak seperti ukiran buah labu, ukiran buah manggis, ukiran paku pakis dan banyak lagi unsur-unsur arabesque pada penghasilannya (Nik Hassan et. al., 2000). Bagi karya seni ukiran corak *arabesque* dengan motif tabii unsur ukiran makhluk bernyawa yang diabstrakkan pula, menyaksikan karya seni ukiran tradisi masyarakat Melayu dihasilkan berpaksikan garis panduan berkaitan pengharaman penciptaan seni ukiran yang mempunyai unsur manusia atau makhluk bernyawa yang lain. Bentuk sebegini diharamkan oleh agama Islam kerana mempunyai perkaitan dengan aktiviti pemujaan dan penyembahan berhala (Amirah Abas, 2016; Siti Hawa, 2007). Had dan batasan yang ditetapkan oleh agama Islam dalam penghasilan sesuatu karya seni ukiran secara khususnya berkaitan dengan pengharaman bagi menghasilkan karya seni ukiran dengan unsur-unsur makhluk hidup telah memperlihatkan lahirnya suatu karya seni ukiran berwajah baharu dengan motif haiwan yang kelihatan lebih abstrak dan kelihatan berbeza dengan unsur makhluk hidup tersebut.

Contoh-contoh bagi penghasilan karya seni ukiran tradisi masyarakat Melayu corak *arabesque* dengan motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab, motif tabii unsur flora serta motif tabii unsur makhluk bernyawa yang diabstrakkan adalah sebagaimana yang dapat dilihat pada karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif geometri (Gambar 3), motif unsur kosmos (Gambar 4), motif jalinan tulisan Khat (Gambar 5), motif daun dala (Gambar 6), motif buah manggis (Gambar 7), motif itik pulang petang (Gambar 8) dan motif ayam berlaga (Gambar 9). Karya seni ukiran sebegini digunakan bagi mewarnai bahagian-bahagian penting rumah Melayu tradisi iaitu pada bahagian kekisi dinding, panel sisir angin, jeriji, jerejak tangga, jerejak anjung dan jerejak tingkap (Norzehan Adli, 2009).



Gambar 3: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif geometri pada kelarai Cik Kedah Ketapan

(Sumber: Ros Mahwati et. al., 2018).



Gambar 4: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif unsur kosmos (matahari)

(Sumber: Ashraf B., 2018).



Gambar 5: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif jalinan tulisan Khat

(Sumber: Ashraf B., 2018).




Gambar 6: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif dala

(Sumber: Mohd Sabrizaa, 2009).




Gambar 7: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif buah manggis

(Sumber: Keumala N. et. al., 2012).



Gambar 8: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif itik pulang petang

(Sumber: Mohammad Nazzri, 2016).



Gambar 9: Karya seni ukiran dengan corak *arabesque* motif ayam berlagu

(Sumber: Keumala N. et. al., 2012).

Dapatan daripada penulisan yang telah dilakukan ini dapatlah dirumuskan bahawa, seni ukiran masyarakat Melayu dihasilkan selepas kedatangan agama Islam ke alam Melayu dilihat lebih harmonis dan bertunjangkan kepada pengabdian diri hamba kepada Allah swt, Yang Maha Pencipta.

Kesimpulan

Secara jelasnya, seni ukiran mempunyai pengaruh yang besar dalam masyarakat Melayu khususnya di Semenanjung Malaysia dan alam Melayu di seluruh Nusantara secara amnya. Karya seni ukiran Islam corak *arabesque* pada seni ukiran masyarakat Melayu meliputi reka

corak atau bentuk yang menerapkan motif geometri, motif unsur kosmos, motif jalinan tulisan kaligrafi Arab, motif unsur flora serta motif unsur ukiran makhluk bernyawa yang diabstrakkan. Corak ini telah berjaya menjadi antara hiasan utama yang digunakan dalam seni ukiran masyarakat Melayu melalui proses asimilasi dan adaptasi serta pengolahannya selaras dengan sosio-budaya masyarakat Melayu. Realiti ini menjadikan karya seni ukiran masyarakat Melayu yang dihasilkan daripadanya mempunyai kualiti yang sangat bermutu serta menjadi pilihan ramai pengukir di seluruh Nusantara sejak zaman berzaman hingga ke hari ini. Ringkasnya, seni ukiran corak *arabesque* ini telah lama wujud dalam masyarakat Melayu di alam Melayu secara amnya dan di Semenanjung Malaysia secara khasnya. Pengolahan terhadap karya seni ukiran khususnya daripada Timur Tengah hasil daripada unsur proses asimilasi dan adaptasi ini melahirkan pelbagai rupa corak dan bentuk karya seni ukiran yang dilihat bukan sahaja mempunyai nilai estetika yang tinggi malahan sesuai serta selari dengan peredaran zaman.

Rujukan

- Abdul Ghani Azmi Idris. 2009. *Himpunan Hadith-Hadith Shahih. Jilid 2 (Cet. 7)*. Kuala Lumpur: Al-Hidayah Publication.
- Amirah Abas. 2016. Aplikasi Seni Ukiran Melayu dalam Seni Bina Surau Kayu di Besut, Terengganu. Tesis Ijazah Sarjana Pendidikan (Seni), Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI).
- Ashraf Bagheripoor. 2018. Aesthetic Manifestation of Designs & Ornaments in Islamic Tile-Work Styles. *International Journal of Arts*, 8(3): 47-52.
- Benedict, Ray Hilary. 2004. Unsur Spiritual dalam Seni. Tesis Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan (Seni Halus), Universiti Malaysia Sarawak (UMS).
- Bukhari al-, Muhammed bin Isma'il. 1997. *The Translation of the Meanings of Sahih Al-Bukhari (Vol.7)*. Terj. Muhammad Muhsin Khan. Riyadh: Maktaba Dar us Salam.
- Cetin, Murat & M. Arif Kamal. 2011. The Emergence and Evolution of arabesque as a Multicultural Stylistic Fusion in Islamic Art: The Case of Turkish Architecture. *Jurnal of Islamic Architecture*, 1(4) December: 159-166.
- Idris Zakaria. 2012. Islam dan Falsafahnya dalam Kebudayaan Melayu. *Jurnal Hadhari Special Edition*: 91-108.
- Iffa Yuliani Ainun Najichah. 2016. Pemahaman Hadis Tentang Gambar. Tesis Sarjana, Universitas Islam Negeri Walisongo.
- Makmur & Muhammad Bukhari Lubis. 2014. Corak Seni Khat Ukir Nusantara: penulisan Perbandingan Karya Ukiran Kayu Terengganu (Malaysia) dan Jepara (Indonesia). *Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, Vol.2: 31-49.
- Mohammad Nazzri Ahmad. 2016. Falsafah Seni Ukiran Kayu Melayu. Tesis Ijazah Doktor Falsafah, Universiti Malaya (UM).
- Mohd Nasrulamiaam Mohd Nasir & Asyaari Muhamad. 2018. Sejarah Ukiran Kayu dan Hiasan Perahu di Pantai Timur Semenanjung Malaysia. *International Journal of The Malay World and Civilisation*, 6(3): 75-84.

- Mohd Sabrizaa Abd Rashid. 2009. Cadangan Kaedah Kod 'S' bagi Penamaan dan Penentuan Motif Bunga Ukiran Melayu dalam Proses Inventori. Kertas Pembentangan dalam Persidangan Antarabangsa Kesenian "Seni Dekorasi: Pelestarian dan Pembangunan". Organized by Akademi Pengajian Melayu UM, Hotel Armada, Petaling Jaya, Selangor, 5-7 Ogos.
- Muslim, Abul Hussain bin Al-Hajjaj. 2007. *English Translation of Sahih Muslim (Vol.1)*. Terj. Nasiruddin Al-Khattab. Riyadh: Maktaba Dar us Salam.
- Nik Hassan Shuhaimi Nik Abd. Rahman, Siti Zainon Ismail, Lokman Mohd Zen & Othman Mohd. Yatim. 2000. Kesenian Melayu: Roh Islam dalam Penciptaan. Dalam Mohd Taib Osman & A. Azizi Deraman (pngr). *Tamadun Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Nila Inangda Manyam Keumala Daud, Ezrin Arbi & Mohammad Faisal. 2012. Pengaplikasian Ukiran Kayu Melayu dalam Seni Bina di Malaysia. *Jurnal of Design and Built Environment*, Vol.11 December: 1-14.
- Norhaiza Nordin. 2009. *Ukiran Kayu Warisan Melayu*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Norzehan Adli Muhammad. 2009. *Seni kraf Kayu: Motif dan Teknik*. Selangor: Institut Kraf Negara.
- Nurul Izzah Mohd Johari, Tajul Shuhaizam Said & Harozila Ramli. Seni Ragam Hias Ukiran Warisan Peradaban Merong Mahawangsa. *KUPAS SENI: Jurnal Seni dan Pendidikan Seni*, 8(1): 1-10.
- Oloan, Situmorang. 1993. *Seni Rupa Islam-Pertumbuhan dan Perkembangannya*. Bandung: Penerbit Angkasa.
- Ros Mahwati Ahmad Zakaria, Mohd Rohaizat Abdul Wahab, Mohammad Anis Abdul Samad & Siti Norbaya Mat Yacob. 2018. Analisis Simetri Rekaan Corak Kelarai Anyaman Tikar di Alam Melayu. *Jurnal Arkeologi Malaysia*, 31(1) April: 19-27.
- Roslina Rawi @ Che Teh & Abd Halim Husain. 2014. Seni Ukir Kayu melalui Sosialisasi Keluarga Pengukir Che Abd Rahman bin Che Long di Besut, Terengganu. Dlm Prof. Dr. H. Ahman (pngr). *Proceedings The 6th International Conference on Teacher Education, Bandung. 25-26 June 2014*, hlm. 1509-1522.
- Singh, Pooja. 2017. Existance of arabesque in Islamic Architecture. *International Journal of Scientific and Research Publications*, 7(6) June: 292-295.
- Siti Hawa Abdul Samat. 2007. Pengaplikasian Corak Tradisional Ukiran Kayu Melayu ke dalam Seni Seramik Kontemporari. Tesis Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan (Seni Halus), Universiti Malaysia Sarawak (UMS).
- Umma Farida. 2014. Pemikiran Ismail Raji Al-Faruqi Tentang Tauhid, Sains dan Seni. *Fikrah*, 2(2) Desember: 207-227.
- al-Zubaidi, Zain al-Din Ahmad bin Abdul-Latif. 1994. *The Translation of the Meanings of Summarized Sahih Al-Bukhari*. Terj. Muhammad Muhsin Khan. Riyadh: Maktaba Dar us Salam.